

19 OCT 2001

Belanjawan-Kekayaan

KESAKSAMAAN AGIHAN KEKAYAAN TERUS MENJADI TERAS DASAR KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Usaha mencapai kesaksamaan dalam pengagihan kekayaan di kalangan rakyat, wilayah dan negeri terus menjadi teras dasar kerajaan.

"Di waktu ini, jurang pendapatan antara yang termiskin dengan yang terkaya agak luas," kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan, ketika menghuraikan strategi ketiga Belanjawan 2002 yang dibentangkan di Parlimen hari ini.

Beliau berkata golongan kaya menyumbang kepada pembangunan negara melalui perbelanjaan dan pelaburan mereka, yang secara langsung dan tidak langsung mewujudkan peluang pekerjaan dan perbelanjaan mereka menyumbang kepada kelarisan perniagaan, keuntungan dan pendapatan pekerja dalam aneka jenis perniagaan dan perusahaan.

"Jika daya beli golongan yang berpendapatan rendah dapat ditingkatkan, mereka juga boleh membuat sumbangan yang sama kerana walaupun pendapatan mereka rendah tetapi bilangan mereka amat ramai dan jumlah perbelanjaan mereka juga tentulah tinggi," katanya.

Jika pendapatan mereka dapat ditambah, Perdana Menteri berkata jumlah perbelanjaan mereka boleh menyumbang secara berkesan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Dr Mahathir berkata sebagai usaha untuk meningkatkan pendapatan golongan yang berpendapatan rendah, kerajaan akan memperuntukkan wang untuk melatih pekerja dalam pelbagai kemahiran pertanian moden.

Katanya, kerajaan akan membelanjakan RM10 juta untuk melaksanakan program-program latihan kemahiran di pusat-pusat latihan yang berkenaan.

Dengan bertambahnya kecekapan mereka, Perdana Menteri berkata, upah untuk pekerja itu juga akan turut meningkat.

Beliau berkata pendapatan kontrak kecil Kelas F akan ditingkatkan melalui lebih banyak projek kecil di kawasan luar bandar.

"Bagi mereka yang berminat, latihan akan diberi dalam bidang pengurusan projek supaya menjadi lebih cekap dan kelas mereka dapat dinaikkan dengan lebih cepat. Sistem pembayaran dan kemudahan pinjaman bagi yang mempunyai rekod yang baik akan diwujudkan," katanya.

Dr Mahathir berkata langkah akan diambil untuk mengenal pasti peluang perniagaan di kampung dan bandar yang baru dibangunkan.

Beliau berkata, pihak yang berminat dan mempunyai sedikit modal, umpamanya dari ganjaran persaraan atau dari Kumpulan Wang Simpan Pekerja (KWSP) dan punca lain, akan diberi latihan dan peluang penyertaan dalam perniagaan francais yang telah dikenal pasti berdaya maju.

Mereka yang sudahpun terlibat dalam bidang ini akan dibantu supaya dapat berkembang maju, katanya.

"Namun, perlu ditegaskan di sini bahawa minat dan ketekunan amatlah penting. Mereka yang ingin kaya cepat tidak boleh melihat pendekatan ini sebagai cara untuk menjayakan cita-cita besar mereka," kata Dr Mahathir.

Beliau turut mengumumkan bahawa kerajaan akan memberi galakan kepada penubuhan estet tanaman campuran.

Katanya, estet-estet itu perlu dibuat oleh pengurus profesional yang mendapat ijazah dalam bidang ini di universiti.

Dr Mahathir berkata pembangunan pertanian moden akan digalakkan di negeri-negeri yang memiliki tanah yang luas dan pendapatan per kapita kurang daripada purata negara.

-- BERNAMA

MFJ AHH NMO